# HIBAH & WASIAT HARTA: TEORI & APLIKASI

## KURSUS PENGURUSAN HARTA DALAM ISLAM



*Disampaikan oleh:*


Najmuddin bin Abd.Karim
Penolong Pengarah Kanan
Pusat Bahasa
Institut Latihan islam malaysia (ILIM), Bangi




# Pendahuluan



Kertas ini dibahagikan seperti berikut:

**1. KONSEP ASAS HIBAH**
- Definisi
- Dalil Pensyariatan
- Rukun-rukun dan Syarat-syarat
- Jenis-jenis Hibah

**2. PENGERTIAN WASIAT**
- Definisi
- Dalil Pensyariatan
- Bila masanya wasiat terlaksana?

**4. HIBAH & WASIAT DALAM APLIKASI SEMASA**



# HIBAH



# Hibah

Apakah yang dimaksudkan dengan hibah ?



# Hibah

*<u>Definisi bahasa:</u>*

Hadiah dan sedekah.

*<u>Definisi Fiqh:</u>*

Kontrak memberi milik tanpa ganjaran (tukaran) semasa hidup, yang dibuat secara sukarela.



# Hibah

وَآتَى الْمَالَ عَلَى حُبِّهِ ذَوِي الْقُرْبَى وَالْيَتَامَى وَالْمَسَاكِينَ
وَابْنَ السَّبِيلِ وَالسَّآئِلِينَ

***"...dan mendermanya seseorang akan hartanya sedang dia menyayanginya, kepada kaum kerabat dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan orang yang terkandas dalam perjalanan dan kepada orang-orang yang meminta..."***

(Surah al-Baqarah:177)

# Hibah

لَن تَنَالُواْ الْبِرَّ حَتَّى تُنفِقُواْ مِمَّا تُحِبُّونَ

***kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakann sebahagian dari apa yang kamu sayangi.." "***

(Surah Ali Imran: 92)

# Hibah

تَهَادُوْا تَحَابُّوْا...

*"Hendaklah kamu saling memberi hadiah, nescaya kamu akan saling berkasih sayang."*

***(Riwayat Ibn Asakir dengan sanad Hasan)***



# Hibah

## *RUKUN HIBAH*

# Hibah



# Hibah

## Syarat Pemberi (*al-wahib*)

1. Pemilik kepada barang yang dihibahkan.
2. Tidak dihalang oleh halangan tertentu (*mahjur 'alaih*)
3. Baligh. Kanak-kanak tidak mempunyai keahlian/ kelayakan berakad.
4. Pemberian atas kehendak dan sukarela pemberi.



# Hibah

## Syarat Penerima (*al-mauhub lah*)

**Penerima mesti wujud semasa *hibah*. Namun ulama mazhab Maliki mengharuskan hibah kepada penerima yang tiada ketika kontrak dilakukan**

(Ibn 'Abd al-Bar 1992: 528)



# Hibah

## Syarat Barang Hibah *(mauhub)*

1. **Wujud semasa hibah.**

   **Tidak sah hibah barang yang tidak wujud, tidak dimaklumi serta tidak diketahui kadar, sifat dan nilai.**

   - *(Andalusi (t.t.), jld. 8, hal. 56)*

   **#Mazhab Maliki mengharuskan *hibah* sesuatu yang *majhul* (tidak diketahui kadar, sifat dan nilai).**

   - *(Ibnu Abd al-Bar (1992) hal. 528)*
   - *(Al-Qurtubi (2000) jld. 4, hal. 143-144)*

2. **Harta yang halal.**



# Hibah

## Syarat Barang Hibah (*mauhub*)

4. **Harta yang bernilai.**
5. **Barang dimiliki sendiri.**
6. **Barang mestilah jelas.**

**#Mazhab Hambali mengharuskan *hibah* perkara yang boleh memberi manfaat.** *(Ibnu Qudamah)*



# Hibah

Apa Hukum Menarik-Balik Hibah?

# Hibah

## Menarik-Balik Hibah?

### Hukumnya HARAM

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
الْعَائِدُ فِي هِبَتِهِ كَالْعَائِدِ فِي قَيْئِهِ
(متفق عليه)

*"Daripada Ibnu Abbas r.a. katanya: Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Orang yang mengambil balik hibahnya seperti orang yang menjilat kembali muntahnya".*

*(al-Bukhari & Muslim)*

# Hibah

## Pengecualian Menarik-Balik Hibah

- *Hibah* bapa kepada anaknya.

لا يَرْجِعُ أَحَدٌ فِي هِبَتِهِ إِلا وَالِدٌ مِنْ وَلَدِه

(سنن النسائي)

"*Seseorang tidak boleh meminta balik hibahnya melainkan hibah bapa terhadap anaknya".*

(Riwayat al-Nasaie)



# Hibah

*HUKUM HIBAH?*



# Hibah

1. ***Harus.***

2. ***Sunat diberi sama rata.***

   ***Kalau beri kepada 1 anak sahaja?***

   ***اتقواالله واعدلوا في أولادكم (متفق عليه)***

3. ***Makruh: Pabila diberi hibah tapi diminta bayaran***

4. ***Haram: Jika diberi dan ditarik balik***



# Hibah

*HIBAH UMRA & RUQBA*



# Hibah

**Al-Umra** bermaksud pemberian semasa tempoh hidup penerima hibah atau pemberi hibah dengan syarat harta tersebut dikembalikan setelah kematian penerima hibah.

Al-'Umra juga bermaksud suatu pemberian yang bersifat sementara yang merujuk kepada hayat salah seorang sama ada pemberi hibah atau penerima hibah. Sekiranya penerima hibah meninggal dunia maka harta yang dihibahkan itu dikembalikan kepada pemberi hibah. Sebaliknya, jika pemberi hibah meninggal dunia maka harta hibah akan dikembalikan kepada waris pemberi hibah.

Contoh lafaz: **"tanah ini aku berikan (*hibahkan*) kepada kamu semasa kamu hidup dan jika kamu mati maka harta itu kembali kepada aku jika aku masih hidup dan kepada waris aku jika aku telah mati".**



# Hibah

**al-Ruqba** = pemberian dengan syarat kematian salah satu pihak sama ada pemberi hibah atau penerima hibah sebagai syarat pemilikan kepada salah satu pihak yang hidup.

Al-Ruqba juga bermaksud suatu pemberian bersyarat yang ditentukan oleh pemberi hibah, di mana harta hibah akan menjadi milik penerima hibah sekiranya pemberi hibah meninggal dunia. Tetapi jika penerima hibah meninggal dunia sebelum pemberi hibah maka harta hibah akan kembali kepada pemberi hibah.

Contoh lafaz: **"tanah ini aku berikan kepada kamu sebagai ruqba dan jika kamu mati dulu maka harta itu kembali kepada aku dan jika aku mati dulu maka harta itu untuk kamu".**

Hukumnya? Makruh



# Hibah

## APLIKASI KONTRAK SEMASA BERASASKAN HIBAH



# Hibah

1. Amanah Raya Berhad
2. WasiyyahShoppe Sdn Bhd
3. Hibah di Lembaga Tabung Haji
4. Hibah dalam Bank Islam



# Hibah

## Manfaat Takaful sebagai Harta

***"Manfaat Takaful boleh dihibahkan kerana tujuan takaful adalah memberi perlindungan kepada peserta. Memandangkan manfaat takaful adalah hak peserta, peserta sepatutnya diberi kebebasan untuk menggunakan hak mengikut pilihannya selagi ianya tidak bercanggah dengan Syarak".***

**(Keputusan Majlis Penasihat Syariah untuk Perbankan Islam dan Takaful kali ke-34 pada 21 April 2003)**

Borang Cadangan Hibah



# Hibah dalam Transaksi kita?

1. Meminjam duit kawan untuk membeli makan tengah hari dan memulangkannya dengan kadar tambahan secara sukarela
2. Mengisi petrol tambahan kepada kenderaan rakan yang dipinjam / disewa?
3. Membayar duit lebih (dengan rela) kepada kerani di kaunter?
4. Menghadiahkan cenderamata kepada rakan baik yang akan berpisah?
5. Menolak bahagian pusaka kepada ahli waris yang lain?





# WASIAT HARTA



# Wasiat Harta

Apakah yang dimaksudkan dengan wasiat ?



# Wasiat Harta

## DEFINISI WASIAT

**Wasiat** ialah suatu hasrat atau keinginan yang dizahirkan secara lisan atau bertulis oleh seseorang mengenai hartanya untuk diuruskan selepas berlaku kematiannya.

Tetapi wasiat yang dibuat secara lisan adalah terdedah kepada fitnah akibat arahan yang tidak jelas dan boleh dipertikaikan di kalangan ahli waris.



# Wasiat Harta

- Pemberian milik secara sukarela yang dilaksanakan selepas seseorang itu meninggal dunia.

- Tidak kira sama ada barang yang dimiliki itu adalah harta benda atau pun manfaat.

***Contoh :***

- Pembuat wasiat mewasiatkan sejumlah harta atau rumah supaya diduduki atau diperolehi faedahnya oleh seorang; atau untuk sesuatu tujuan kebajikan selepas pembuat wasiat meninggal dunia.



# Wasiat Harta

*DALIL MENGENAI WASIAT*

مِن بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِي بِهَا أَوْ دَيْنٍ

"(Pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya".

*(al-Nisaa: 11)*



# Wasiat Harta

*DALIL MENGENAI WASIAT*

حدثنا محمد بن أبي عمر المكي حدثنا الثقفي عن أيوب السختياني عن عمرو بن سعيد عن حميد بن عبد الرحمن الحميري عن ثلاثة من ولد سعد كلهم يحدثه عن أبيه أن النبي دخل على سعد يعوده بمكة فبكى قال: ما يبكيك، فقال قد خشيت أن أموت بالأرض التي هاجرت منها كما مات سعد بن خولة، فقال النبي اللهم اشف سعدا اللهم اشف سعدا ثلاث مرار قال : **يا رسول الله إن لي مالا كثيرا وإنما يرثني ابنتي أفأوصي بمالي كله قال لا قال: فبالثلثين قال لا قال: فالنصف قال لا قال: فالثلث قال الثلث والثلث كثير** إن صدقتك من مالك صدقة وإن نفقتك على عيالك صدقة وإن ما تأكل امرأتك من مالك صدقة **وإنك أن تدع أهلك بخير أو قال بعيش خير من أن تدعهم يتكففون الناس**



*(Hadis al-Bukhari & Muslim)*

# Wasiat Harta

*DALIL MENGENAI WASIAT*

*Daripada Saad bin Abi Waqas r.a bahawa ia pernah berkata dalam sakitnya: "Ya Rasulullah, sesungguhnya hartaku banyak dan tidak ada yang akan mewarisi harta itu selain seorang anakku yang perempuan,* ***bolehkah aku wasiatkan hartaku itu kesemuanya? "*** *Rasulullah menjawab:* ***"jangan!"*** *aku bertanya lagi:* ***"Bagaimana kalau seperdua?"*** *Baginda menjawab:* ***"jangan!"*** *aku bertanya lagi:* ***"kalau sepertiga? "*** *Rasulullah menjawab:* ***"Ya, boleh dan sepertiga itu banyak.*** *Sesungguhnya apabila engkau tinggalkan ahli waris engkau itu kaya lebih baik daripada engkau tinggalkan mereka dalam kemiskinan, meminta-minta kepada manusia."*

*(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)*



# Wasiat Harta

## *DALIL MENGENAI WASIAT*

***"Allah telah memberikan bahagian setiap orang yang berhak. Maka tiada wasiat untuk waris"***

*(Riwayat at Tarmizi)*

***"Tidak harus wasiat kepada waris kecuali diizinkan oleh waris yang lain"***

*(Riwayat Abu Daud)*



# Wasiat Harta

CIRI-CIRI WASIAT ISLAM

Terdapat beberapa ciri dan prinsip wasiat Islam yang perlu dipatuhi:

1. Harta yang hendak diwasiatkan mestilah tidak lebih daripada sepertiga (1/3) daripada harta pusaka bersih kecuali mendapat persetujuan daripada ahli-ahli waris.

2. Penerimanya hendaklah bukan waris iaitu mereka yang tiada hak faraid ke atas pusaka simati kecuali mendapat persetujuan daripada ahli-ahli waris yang lain.

3. Jika penerima wasiat meninggal dunia semasa hayat pewasiat, maka wasiat tersebut adalah terbatal.



# Wasiat Harta

CIRI-CIRI WASIAT ISLAM

4. Jika penerima wasiat meninggal dunia selepas menerima wasiat dan selepas kematian pewasiat, maka haknya boleh diwarisi oleh waris penerima.

5. Selepas kematian pewasiat, perlu ditolak dahulu kos perbelanjaan pengkebumian dan pembayaran hutang simati.

6. Wasiat boleh ditarikbalik pada bila-bila masa kerana ia hanya berkuatkuasa selepas kematian pewasiat dan wasiat tersebut perlulah dibuat secara sukarela.



# Wasiat Harta

## Ijab (tawaran) Pembuat Wasiat

- **Mazhab Maliki, Hanbali dan Syafie**

  **Wasiat berlaku dengan tawaran (ijab) daripada pembuat wasiat sahaja. Ia tidak tertakluk ke atas penerimaan orang yang diberi wasiat kepadanya**

- **Mazhab Hanafi**

  **Wasiat oleh pembuat wasiat terbatal dengan penolakan oleh penerima wasiat sebab pembuat wasiat tidak mempunyai kuasa untuk memaksa supaya wasiatnya itu diterima**



# Siapa perlu berwasiat?

Semua individu yang berhasrat supaya hartanya dapat diagih dengan betul dan cepat.
Wajar dilakukan oleh:

- Mereka yang bimbang harta pusaka mereka ‘terbeku’ atau tak dapat diuruskan dengan licin / tidak menepati syariat
- Mereka yang memiliki harta
- Mereka yang mempunyai hutang (kepada ALLAH atau manusia) yang belum dijelaskan
- Lelaki yang berpoligami
- Ibu dan bapa tunggal
- Mereka yang mempunyai anak angkat/anak tiri
- Mereka yang mempunyai anak di bawah umur 18 tahun
- Mereka yang menjalankan perniagaan
- Mereka yang ingin membuat amal jariah melalui wasiat



# WASIAT DALAM APLIKASI SEMASA



# Wasiat Harta

1. Wasiat di Amanah Raya Berhad

# Wasiat Harta

## 2. Wasiat di Wasiyyah Shoppe Sdn Bhd

<u>Dokumen Wasiat Islam</u>

Dokumen ini hanya perlu disediakan sekiranya anda berhasrat untuk memberikan harta pusaka anda kepada bukan waris **sehingga tahap maksima 1/3** .

Bukan waris di sini merujuk kepada individu yang tidak menerima harta pusaka anda mengikut Hukum Faraid seperti anak angkat, cucu, anak saudara atau sesiapa sahaja.

Juga boleh terdiri dari Masjid, Surau, Rumah Anak Yatim atau apa-apa sahaja pertubuhan kebajikan.



# Wasiat Harta

## Peruntukan Wasiat dalam Enakmen

- Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999

Tafsiran Wasiat menurut Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) No. 4, 1999 :

"Wasiat ertinya iqrar seseorang yang diperbuat pada masa hayatnya ke atas hartanya atau manfaat untuk menyempurnakan sesuatu bagi maksud kebajikan atau apa-apa maksud yang dibenarkan menurut Hukum Syarak, selepas dia mati".

- Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004

"**wasiat**" ertinya *iqrar* seseorang yang dibuat pada masa hayatnya mengenai hartanya atau manfaat hartanya, untuk disempurnakan bagi maksud khairat atau apa-apa maksud lain yang dibenarkan menurut Hukum Syarak, selepas dia mati.



# Perkara yang tidak ingin didengar



Anak mohon ibu junjung al-Quran nafi wasiat bapa

AISHAH ISMAIL



Jelita HARTAPUSAKA

Adik dakwa kakak 'anak luar nikah' demi membolot harta



Anak kemuka tuntutan harta terhadap ibu kandung



## *Hibah dan Wasiat Harta: Teori & Aplikasi*

Selasa 14 Januari 2003 — Surat

# Kejahilan urus harta boleh membawa padah

Surat Pilihan

KAMI merujuk beberapa keluhan dan masalah yang dikemukakan oleh pembaca *Berita Harian* mengenai pembahagian harta pusaka yang disiarkan dalam ruangan ini.

Di antaranya ialah keluhan Insan Terkilan Johor bertajuk 'Kerumitan pembahagian harta pusaka meruntuhkan keharmonian kekeluargaan' dan Waris Tiada Pilihan dari Batu Pahat bertajuk 'Pembahagian harta pusaka paling rumit'.

Keluhan itu sebahagian kecil daripada masyarakat yang tersepit dengan permasalahan ini.

Sebenarnya, sikap masyarakat yang sengaja tidak mahu mengambil tahu atau bersikap acuh tidak acuh mengenai persoalan pembahagian harta pusaka, menyebabkan persoalan ini dipinggirkan begitu saja. Natijahnya, lahirlah berjuta-juta masyarakat Malaysia yang 'terperangkap' dengan permasalahan ini.

Pembahagian harta pusaka hakikatnya adalah perkara 'mudah, murah, ringkas dan cepat' sekiranya masyarakat boleh mengikis sikap ego untuk tidak ingin tahu serta memberi sedikit ruang dalam kehidupan mereka mengenai persoalan ini.

Sebaliknya, jika pembahagian tidak dilakukan dan dibiarkan terlalu lama sehingga mewujudkan waris berlapis, persoalan ini bertukar menjadi penyakit kronik yang sukar diatasi dan akan mengundang pelbagai masalah.

Di Malaysia ada tiga institusi atau jabatan yang menguruskan pembahagian harta pusaka.

8 | Sabtu, 12 Mei 2007 | Harian Metro

# Ibu saman dua anak

12 HB. MEI. 2007 (SABTU).

## Dakwa diperdaya ketika serah hak tanah sawah

>>Oleh Riadz Radzi
riadz@hmetro.com.my

FOTO | Rashidi Karim



TUNTUT...Rosinah (kiri) menemani ibunya, Pah yang terbaring dalam van ketika memfailkan saman terhadap dua anak perempuannya di Mahkamah Tinggi Kangar, semalam.

**Pah, dalam permohonan kepada Pejabat Tanah dan Galian Perlis bertarikh 17 Mac 2003, mendakwa Norsiah dan Norini membawanya ke pejabat itu untuk menurunkan cap jarinya bagi membahagikan hak milik harta itu antara mereka bertiga**

KANGAR: Seorang ibu yang lumpuh memfailkan saman di Mahkamah Tinggi di sini, semalam, untuk menuntut semula sebidang tanah sawah daripada dua anak perempuannya.

Pah Abdull, 76, menamakan dua anak hasil perkahwinan kali keduanya, Norsiah Yob, 43, dan Norini Yob, 40, sebagai defendan dalam samannya yang difailkan menerusi peguam Nor Hisyam Ahmad.

Pah yang lumpuh sejak empat tahun lalu hadir di mahkamah semalam tetapi hanya berbaring dalam van yang diletakkan berhampiran mahkamah.

Dua lagi anaknya hasil perkahwinan kali pertama, Azmi Abdul Majid dan Rosinah Abdul Majid mewakili Pah ketika berurusan dalam kamar Hakim Datuk Mohd Sofian Abd Razak.

Dalam afidavitnya, Pah menuntut semula sebidang tanah sawah seluas 2.56 hektar di Kampung Tok Pulau, Sanglang, yang sebelum ini dimilikinya.

Dia mendakwa Norsiah dan Norini memperdayakannya supaya membahagikan tanah itu antara mereka bertiga.

Akibat tindakan itu, Pah mendakwa tanah berkenaan dibahagikan secara hibah iaitu kaedah pembahagian harta secara sukarela oleh ibu bapa kepada anak.

Dakwa Pah, dalam permohonan kepada Pejabat Tanah dan Galian Perlis bertarikh 17 Mac 2003, Norsiah dan Norini membawa Pah ke pejabat itu untuk menurunkan cap jarinya bagi membahagikan hak milik harta itu antara mereka bertiga.

Norsiah dan Norini menjaga Pah apabila dia menghidap penyakit itu.

Pah berhasrat mengambil balik tanah itu untuk membahagikannya di kalangan anaknya, termasuk Norsiah, Norini serta lima yang lain hasil perkahwinan kali pertama.

Mohd Sofian menetapkan 21 Jun depan untuk perbicaraan bagi membolehkan kedua-dua defendan mendapatkan khidmat peguam.

Selasa, 8 Mei 2007 | Setempat | Harian Metro
IM PILIH 8C 8 (e-mel)

# Maut selepas dimaki-hamun

## Warga emas pengsan berikutan pertelingkahan tanah pusaka



DAUD...meninggal dunia



BUKTI...Salehuddin menunjukkan geran tanah membabitkan rumah keluarganya.

>>Oleh Rosliza Mohamed
am@hmetro.com.my

PASIR MAS: Seorang lelaki warga emas meninggal dunia selepas tidak sedarkan diri dipercayai terkejut dimaki-hamun beberapa ahli keluarga terdekatnya berhubung pertelingkahan membabitkan tanah pusaka.

Dalam kejadian itu, Daud Senik, 75, dari Kampung Repek, di sini, dikatakan dimaki-hamun empat wanita dan seorang lelaki yang dikenalinya.

Mangsa mulanya dikatakan menjadi tidak bermaya dan lemah sebelum didakwa tidak sedarkan diri selepas kejadian itu dan terpaksa menerima rawatan di Hospital Pasir Mas (HPM) sebelum dirujuk ke Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZII) di Kota Bharu.

Bagaimanapun, mangsa disahkan meninggal dunia di hospital itu, kira-kira 3 pagi semalam.

Anak lelakinya, Salehuddin Daud, 37, berkata dalam kejadian itu, bapanya dikatakan didatangi kumpulan berkenaan ketika berada di depan rumah dan terus dimaki-hamun, kira-kira 5 petang, 27 April lalu.

"Mulanya, seorang wanita yang bertugas sebagai guru besar berusia 50-an dikatakan memaki-hamun arwah dengan menuduhnya membina rumah di kawasan tanahnya.

"Selain itu, wanita berkenaan memberitahu jika mati pun, ayah hanya akan bawa kain kafan dan tidak boleh membawa sama tanah ke kubur.

"Selain itu, seorang lelaki juga secara tiba-tiba memberitahu dia tidak gentar berdepan dengan adik-beradik ayah yang lain," katanya ketika ditemui di rumahnya di kampung itu, semalam.

Menurutnya, berikutan kejadian tidak disangka itu, bapanya yang sakit lutut semakin lemah keadaannya dipercayai terkejut dengan tindakan kumpulan itu.

"Selepas kumpulan itu pulang, ayah dirawat seorang doktor yang dipanggil ke rumah tetapi kemudian tidak sedarkan diri dan dibawa ke HPM sebelum dirujuk ke HRPZII, esoknya.

"Hasil pemeriksaan, doktor memberitahu ayah menghidap darah tinggi dan jantung selain diserang angin ahmar sebelum meninggal dunia," katanya.

Salehuddin berkata, tindakan kumpulan itu didakwa begitu keterlaluan hingga menyebabkan bapanya mengalami tekanan selepas tidak tahan di maki-hamun.

Menurutnya, lelaki berusia 50-an itu juga didakwa pernah datang ke rumah dan mengugut mahu meroboh belakang kediaman mereka yang dikatakan dibina dalam kawasan tanah miliknya.

"Sejak rumah ini dibina pada 1970, tidak pernah timbul masalah sehingga kejadian arwah ayah dimaki-hamun.

"Kami pernah meminta juruukur menyukat keluasan tanah rumah dan ternyata tidak memasuki sempadan tanah orang lain," katanya.

Berikutan itu, katanya, dia membuat laporan di Ibu Pejabat Polis daerah kira-kira jam 10.30 malam, 3 Mei lalu.

Menurutnya, jenazah bapanya selamat dikebumikan kira-kira jam 12 tengah hari semalam.

Sementara itu, jurucakap polis ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan kejadian itu dan berkata siasatan sedang dijalankan.

Harian Metro Selasa, 8 Mei 2007

## Ingat-ingatkan

- **Setiap insan di hari Qiamat tidak akan dapat mengorak langkah ke mana-mana, selagi belum selesai disoal-siasat tentang 4 perkara berikut:**

أنّ رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: لا تزول يوم القيامة قدما عبد حتى
يسأل عن أربع عن عمره فيما أفناه وعن جسده فيما أبلاه وعن علمه ماذا
عمل به وعن ماله من أين أخذه وفيما أنفقه

*روي في جامع الترمذيّ بالإسناد الصحيح*



# Ingat-ingatkan

1) **Tentang umur di manakah dihabiskan sewaktu di dunia?**

2) **Tentang masa muda, bagaimana dia menghadapi ujian pada waktu itu?**

3) **Tentang harta, dari mana dia perolehi dan bagaimana ia dibelanjakan?**

4) **Tentang ilmunya, apakah dia telah beramal dengan ilmu tersebut?**



# Ingat-ingatkan



Tadbir urus pembahagian harta apabila berlaku kematian:

1. URUSKAN JENAZAH

2. SELESAIKAN HUTANG SI MATI
   (hutang dengan Allah+ hutang dengan manusia/ individu/institusi)

3. TUNAIKAN WASIAT

4. FARAID



# Kesimpulan



# *Sekian, terima kasih*



*Abu Abdullah Ameen*